

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1987/88

ATP201: Perakaunan Kewangan II

Tarikh: 12 April 1988

Masa: 2.15 petang - 5.15 petang
(3 jam)

Jawab SEMUA soalan di Bahagian A. Pilih TIGA soalan daripada Bahagian B.

BAHAGIAN A

Soalan 1

Berikut adalah Kunci Kira-Kira Syarikat XYZ.

Syarikat XYZ
Kunci Kira-Kira seperti pada 31, Disember 1987

ASET SEMASA:

Tunai	\$ 30,000	
Sekuriti boleh pasar	8,000	
Akaun belum terima	25,000	
Inventori Barangniaga	20,000	
Inventori Bekalan	4,000	
Pelaburan saham di dalam anak Syarikat	20,000	107,000

...2/-

[ATP 201]

PELABURAN:

Saham Perbendaharaan 26,000

HARTA, LOJI, PERALATAN:

Bangunan dan Tanah	81,000	
- (Susutnilai)	30,000	51,000
	-----	-----

ASET-ASET LAIN

Nilai insuran yang telah tamat		\$ 18,000

Jumlah Aset		\$202,000
		=====

LIABILITI SEMASA

Akaun belum bayar	12,000	
Anggaran cukai B/Bayar	14,000	
Akaun Pelanggan	1	26,001

LIABILITI J/PANJANG:

Bon Belum Bayar		48,000

JUMLAH LIABILITI		74,001

MODAL SAHAM:

Modal saham, nilai tara \$5	95,000	
Pendapatan berlebihan	24,999	
Pengisytiharan dividen tunai	8,000	127,999

		202,000
		=====

...3/-

[ATP 201]

(a) Dikehendaki

Anda dikehendaki memeriksa semula KKK di atas, dan nyatakan kesilapan yang ada dan bagaimanakah kesilapan-kesilapan itu dapat diperbetulkan supaya kunci kira-kira ini dapat diterima oleh umum.

(20 markah)

Soalan 2

Berikut ialah IAS yang telah dibincangkan di dalam kursus ATP201.

IAS	7
IAS	23
IAS	5
IAS	4

Anda dikehendaki memilih DUA daripada IAS di atas dan secara ringkas jelaskan mengenai kandungan dan keperluannya di dalam pembentangan kewangan syarikat di Malaysia.

(12 markah)

Soalan 3

(a) (i) Perbelanjaan dapat dibahagikan kepada dua kategori iaitu Perbelanjaan Modal dan Hasil.

Anda dikehendaki membezakan di antara kedua-dua jenis perbelanjaan ini dan nyatakan bagaimana perbelanjaan modal dan hasil harus diambil kira di dalam perakaunan syarikat. Dan bincangkan kesan semasa dan akan datang Kepada Kunci Kira-Kira dan Penyata Pendapatan jika perbezaan kedua-dua perbelanjaan ini tidak diambil kira dengan tepat.

(5 markah)

(ii) Apakah kriteria-kriteria yang digunakan oleh akauntan di dalam menentukan polisi untuk kedua-dua perbelanjaan ini

(4 markah)

...4/-

[ATP 201]

- (b) Jelaskan kenapa susutnilai ditunjukkan di bahagian "Punca dana" di dalam penyata perubahan kedudukan kewangan.

(4 markah)

Soalan 4

- (a) Apakah yang dimaksudkan dengan keuntungan dan kerugian di luar jangka. Berikan dua contoh untuk setiap item dan bagaimanakah kedua-dua item ini harus direkodkan di dalam laporan kewangan syarikat.

(5 markah)

- (b) Pelaburan jangka panjang akan memberi kesan kepada pengaliran masuk dan keluar dana syarikat. Jelaskan.

(5 markah)

BAHAGIAN B

(Soalan Pilihan)

Soalan 5

Pada 1hb Mac 1988 Syarikat Komputer Sdn. Bhd. telah melantik Syarikat XYZ membina sebuah pengkalan data komputer yang bernilai \$2,500 untuk tujuan penyelidikan.

Syarikat XYZ telah mula projek tersebut pada 31hb Mac iaitu apabila bayaran pertama \$500.00 diterima daripada Syarikat Komputer.

Untuk menolong pembiayaan projek ini, Syarikat Komputer membuat pinjaman sebanyak \$3,000 daripada bank melalui nota, 18% jangka masa 3 tahun dan bayaran bunga dibayar setahun sekali.

Pada 30hb Ogos, Syarikat Komputer telah membuat bayaran sebanyak \$500 setiap kali dan tarikh-tarikh bayaran adalah seperti berikut:

1hb Mei	\$500
1hb Julai	\$500
1hb Ogos	\$500.

...5/-

[ATP 201]

Mesin Pengkalan Data telah siap di bina pada 1hb Disember 1988 dan mesin itu terus digunakan.

Pada Akhir tahun 1988, Syarikat Komputer mempunyai baki-baki hutang yang belum selesai dibayar seperti berikut:

- Nota tarikh 31hb Mac, 1986, 5 tahun
10% dan bunga dibayar
setahun sekali pada 31hb Mac 5,000

- Nota tarikh 1hb November, 1988
2 tahun, 12% dan bunga
dibayar setahun sekali pada 1hb November 6,000

Anda dikehendaki

- (a) Mengira purata wajar perbelanjaan untuk Syarikat Komputer Sdn. Bhd.
- (b) Mengira:
 - (i) Bunga sebenar untuk tahun 1988
 - (ii) Bunga dapat dielakkan
 - (iii) Jumlah bunga yang patut dipermodalkan.
- (c) Merekod Bunga yang dipermodalkan ke dalam Jurnal Syarikat.
- (d) Adakah jumlah bunga yang dimodalkan oleh Syarikat Komputer akan berubah jika nota \$5,000 dan \$6,000 tidak wujud? Jelaskan.
- (e) Tunjukkan contoh bagaimana bunga dipermodalkan di bentangkan di dalam penyata kewangan.

(15 markah)

Soalan 6

Pada 31hb Disember 1987 genap satu tahun Syarikat Pinang Muda Sdn. Bhd. beroperasi. Walau bagaimanapun, sebagai Penolong Pegawai Kewangan Syarikat Encik Ali menghadapi kesulitan mengenai beberapa isu perakaunan yang kurang jelas kedudukannya.

...6/-

Dikehendaki

Sebagai Ketua Pengawal Kewangan Syarikat, anda diminta memberitahu Encik Ali mengenai kedudukan item-item di bawah dari segi perakaunan.

- (a) Syarikat telah menandatangani perjanjian untuk membeli produk berjumlah \$450,000 (minimum) pada setiap bulan bermula pada tahun 1988. Perjanjian ini muktamad dan berdasarkan kepada jumlah hasil jualan syarikat. Pada 31hb Disember 1987, hasil jualan Syarikat dianggarkan bertambah kepada 90% daripada jumlah belian di dalam tahun 1988. 10% daripada jumlah itu dicampur kepada inventori dan kemungkinan juga hasil jualan akan bertambah pada tahun 1989. Ini adalah anggaran syarikat yang paling positif mengenai hasil jualan syarikatnya.
- (b) Trajedi kebakaran yang berlaku pada 13hb Ogos 1987 telah memusnahkan Stor Pusat Syarikat Pinang Muda Sdn. Bhd. Akibat daripada kebakaran itu dua daripada beberapa pekerja sementara syarikat telah cedera dan mereka akan saman syarikat berikutan dengan kecederaan itu.

Peguam Syarikat AZY Sdn. Bhd percaya bahawa penyelesaian dapat diselesaikan di luar mahkamah sahaja, iaitu dengan membayar \$50,000 setiap seorang.

Walau bagaimanapun, jika sekiranya perbincaraan diteruskan juga, peguam berpendapat kemungkinan penyelesaian di anggarakan berjumlah \$20,000 (minimum) hingga \$75,000 untuk seorang pekerja.

- (c) Pekerja Syarikat Pinang Muda Sdn. Bhd. adalah di bawah perlindungan Kesatuan Pekerja. Pada 1hb Januari 1988 adalah tarikh efektif untuk kenaikan gaji pekerja yang berjumlah \$2,200,000 setiap tahun. Oleh kerana perjanjian telah ditandatangani pada 30hb Jun 1987, Encik Ali mengatakan liabiliti telah wujud untuk sebahagian tempoh daripada kenaikan gaji pada 31hb Disember 1987.

(15 markah)

...7/-

Soalan 7

Syarikat Bunga Tanjung Sdn. Bhd telah membeli sebuah mesin dan peralatan berjumlah \$196,000 pada 1987. Syarikat layak menerima pelaburan kredit untuk Aset yang dibeli itu. Syarikat bercadang untuk merekod pelaburan kredit ke dalam akaun pendapatan tertanggung dan peruntukan susutnilai adalah berdasarkan kepada anggaran usia penggunaan mesin iaitu 7 tahun. Pendapatan Syarikat sebelum cukai ialah \$700,000 (cukai 45%). Anggapkan 10% ialah kadar untuk pelaburan kredit.

Anda dikehendaki

- (a) Menyediakan jurnal untuk akaun belanja cukai pendapatan dan pelaburan kredit pada 31hb Disember 1987. Anggapkan susutnilai diambil kira pada tahun pertama.
- (b) Sediakan jurnal pada 31hb Disember 1987 untuk akaun belanja cukai pendapatan dan pelaburan kredit. Anggapkan kaedah pengurangan cukai telah digunakan.
- (c) Bagaimanakah kedudukan jurnal jika kedua-dua kaedah digunakan (kaedah pengurangan cukai dan kaedah pengurangan kos) untuk 4 tahun akan datang. (Anda tidak perlu merekod jurnal untuk 4 tahun akan datang, hanya memadai dengan memberi penjelasan mengenai dengan pelarasan yang perlu dibuat.)

(15 markah)

Soalan 8

- (a) Mesin kepunyaan Syarikat ABC Sdn. Bhd. bernilai \$30,000 (kos) dan tidak mempunyai nilai sisaan. Kaedah garis lurus telah digunakan untuk susut nilai mesin selama 10 tahun. Pada awal tahun ketujuh berdasarkan maklum balas yang diterima serta pengalaman, syarikat bercadang untuk memanjangkan usiaguna mesin kepada 15 tahun.
- (b) Apakah faktor-faktor munasabah yang perlu diambil kira untuk peruntukan susutnilai tahunan aset syarikat. Adakah faktor-faktor ini ditentukan melalui objektif atau berdasarkan kepada pertimbangan akauntan syarikat.

...8/-

Dikehendaki

- (i) Apakah jenis perubahan perakaunan yang wujud pada tahun 7.
- (ii) Jika ada, sila rekodkan jurnal perubahan yang berlaku pada tahun ke 7. (Tunjukkan jalan kira).
- (iii) Rekodkan susut nilai pada tahun ke 7 ke dalam jurnal.
- (iv) Terangkan bagaimana item (ii dan iii) di atas akan memberi kesan kepada penyata-penyata pendapatan (Contoh: pendapatan bersih, pendapatan luar biasa, perolehan tertahan dan lain-lain.)

(15 markah)

Soalan 9

Aset Bersih Syarikat ABC tidak termasuk muhibbah berjumlah \$750,000 dan perolehan syarikat untuk 5 tahun yang lepas berjumlah \$930,000 (iaitu termasuk keuntungan luar biasa berjumlah \$75,000 dan kerugian yang tidak akan berulang lagi \$35,000 dan komisen jualan \$15,000.) Harga jualan ditetapkan melalui 14% pulangan penilaian daripada aset bersih yang dianggap biasa untuk "industri". Perolehan lebihan tahunan akan dipermodalkan pada kadar 20% untuk mendapatkan jumlah muhibbah syarikat.

Dikehendaki

- (a) Kira anggaran muhibbah
- (b) Apakah faktor-faktor yang boleh mewakili muhibbah?
- (c) Bagaimanakah kelaziman akauntan mengukur muhibbah?

(15 markah)